



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

(SIRI 7/2020) KEBENARAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT DAN SOLAT SUNAT
HARI RAYA AIDIL FITRI DI SELURUH MASJID DALAM NEGERI KEDAH DARUL
AMAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT
(PKPB)

Menjunjung titah perintah **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Al Marhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman** berikutan pengumuman **lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia mulai 4 Mei 2020, resolusi Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Kali Ke-5 yang bersidang pada 8 Mei 2020 dan keputusan Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Mei 2020 maka dengan ini dimaklumkan bahawa:

1. Kebenaran mendirikan **Solat Jumaat dan Solat Sunat Hari Raya Aidilfitri** dalam Negeri Kedah Darul Aman sepanjang berlangsung tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) **HANYA** diberikan kepada **seluruh masjid dalam Negeri Kedah Darul Aman dengan bilangan jemaah dihadkan seramai dua belas (12) orang sahaja.**
2. Pandangan ini merujuk *Qaul Qadim* dalam Mazhab Syafie berdasarkan hadis Nabi ﷺ;

عن جابر بن عبد الله ﷺ قال: كنا مع النبي ﷺ يوم الجمعة فقدمت سويقة قال
فخرج الناس إليها فلم يبق إلا اثنا عشر رجلاً أنا فيهم فأنزل الله تعالى: {وَإِذَا رَأُوا
تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا أَنْقَضُوا إِلَيْهَا وَتَرْكُوكَ قَائِمًا} [الجمعة: 11].¹

Mafhumnya: *Dari pada Jabir bin Abdillah ᷲ berkata: Kami bersama dengan Baginda Nabi ﷺ pada hari Jumaat maka telah tiba satu kafilah perdagangan (yang membawa makanan). Lalu sebahagian jamaah menuju kepada kafilah tersebut dan bilangan sahabat yang kekal adalah seramai dua belas orang lelaki dan saya termasuk dalam kalangan mereka yang kekal bersama Nabi ﷺ. Maka turun ayat 11, surah al-Jumuah yang bermaksud: "Dan apabila mereka mengetahui kedatangan barang-barang dagangan (yang baharu tiba) atau (mendengar) sesuatu hiburan, mereka bersurai (lalu pergi) kepadanya dengan meninggalkan Engkau berdiri (di atas mimbar - berkhutbah)."*

3. Pandangan ini juga selaras dengan peruntukan **Seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Undang - Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008** dan **Seksyen 26 Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008**.
4. Dengan kebenaran ini, pelaksanaan Solat Jumaat mula **berkuatkuasa pada 22 Mei 2020 bersamaan 29 Ramadhan 1441**.

TARIKH KEPUTUSAN : 18 MEI 2020